

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PEMBERHENTIAN ELAUN TIDAK KEKAL
DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) dan Sistem Saran Baru 1991 telah menetapkan prinsip pemberian elaun seperti berikut :
 - 2.1.1 Tidak Sejagat (*non-universal*)
 - 2.1.2 Tidak Biasa (*non-regular*)
 - 2.1.3 Tidak Kekal (*non-permanent*)
 - 2.1.4 Kesaksamaan
- 1.2 Prinsip Tidak Sejagat (*non-universal*) membolehkan pemberian elaun kepada kumpulan atau perkhidmatan yang ditetapkan. Contoh elaun yang diberi di bawah prinsip ini ialah Imbuhan Tetap Jawatan Utama hanya diberikan kepada kumpulan Jawatan Utama.
- 1.3. Prinsip Tidak Biasa (*non-regular*) menetapkan bahawa elaun diberi hanya dalam keadaan-keadaan tertentu. Contoh elaun yang diberi di bawah prinsip ini ialah bayaran lebih masa hanya dibayar berdasarkan kerja lebih masa yang dilaksanakan oleh kumpulan sokongan.
- 1.4 Prinsip Tidak Kekal (*non-permanent*) menentukan bahawa elaun dibayar secara sementara. Ini bermaksud pemberian sesuatu elaun boleh ditarik balik atau dibatalkan. Ini bermakna pemberian elaun adalah ditetapkan

sebagai satu keistimewaan (*privilege*) yang boleh ditarik balik pada bila-bila masa, jika didapati perlu.

- 1.5 Prinsip Kesaksamaan menjamin pemberian elaun yang lebih adil. Ianya tidak terhad kepada mana-mana perkhidmatan, kumpulan atau gred tertentu sahaja tetapi boleh dipanjangkan kepada pegawai dalam perkhidmatan lain yang layak. Walau bagaimanapun, Prinsip Kesaksamaan ini sewajarnya tidak digunakan tanpa had. Dalam keadaan tertentu, ia hendaklah digunakan secara bijaksana (*judiciously*) berdasarkan kepentingan perkhidmatan.

2.0 GARIS PANDUAN

- 2.1 Garis panduan pemberhentian elaun tidak kekal adalah seperti berikut:
 - 2.1.1 Semua jenis elaun tidak kekal seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam, JPA, pemberhentian elaun adalah tertakluk kepada peraturan sedia ada sebagaimana pekeliling yang dikeluarkan oleh JPA.
 - 2.1.2 Semua jenis elaun tidak kekal yang diwujudkan oleh UTHM seperti di UTHM seperti Elaun Ex-Officio, Elaun Pentadbiran dan Elaun Kesetiausahaan hendaklah diberhentikan sama sepertimana peraturan dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam, JPA yang berkaitan
 - 2.1.2.1 Bagi tujuan pemberhentian semua jenis elaun tidak kekal di UTHM juga diselaraskan berdasarkan syarat-syarat umum seperti berikut:-

- a) Pegawai yang dikenakan hukuman tata tertib tidak layak dibayar elaun-elaun tersebut untuk tempoh seperti berikut

Bil.	Jenis Hukuman	Tempoh
a.	Amaran	6 bulan
b.	Denda	12 bulan
c.	Lucut Hak Emolumen	18 bulan
d.	Tangguh Pergerakan Gaji	30 bulan
e.	Turun Gaji	36 bulan
f.	Turun Pangkat	48 bulan

- b) Pembayaran elaun kepada pegawai hendaklah dihentikan mulai hari pertama apabila pegawai berada dalam keadaan seperti berikut:

- (i) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
- (ii) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- (iii) Kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh/ Cuti Sangkutan/ Cuti Pembangunan Potensi) yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut termasuk hari cuti rehat mingguan dan hari kelepasan am;
- (iv) Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (v) Cuti selain daripada cuti rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am; Definisi cuti yang dimaksudkan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan berkaitan yang sedang berkuatkuasa;

- (vi) Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja;
atau
 - (vii) Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua PTJ yang melebihi 92 hari berturut-turut.
- c) Bagi pegawai yang menjalankan tugas jawatan-jawatan yang melayakkan pembayaran elaun tidak kekal, pegawai layak dipertimbangkan pembayaran penuh elaun kecuali telah dinyatakan di dalam peraturan pembayaran elaun tersebut dengan syarat menjalankan tugas 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.
- d) Syarat-syarat pemberhentian selain daripada yang dinyatakan di atas adalah kekal mengikut pekeliling yang berkuatkuasa.
- 2.2 Kuatkuasa penggunaan garis panduan ini adalah mulai kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2019 bertarikh **23 Jun 2019**